

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [ JEMPOL ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perancangan bagi mengawal harga pasaran kit ujian kendiri COVID-19 yang terlalu mahal sehingga membebankan para pengguna.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Dalam membuat penetapan harga kit ujian kendiri Covid-19 (ujian sendiri), Kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dalam industri kit ujian kendiri Covid-19 (ujian sendiri) termasuk fasiliti farmasi dan klinik. Penelitian dari segi kos pengeluaran dan kos pengimportan telah dibuat dan di analisa. Maka penetapan harga maksimum ini adalah pada kadar wajar yang tidak merugikan peniaga dan mampu beli rakyat. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memberikan sebarang subsidi bagi pembelian kit ujian kendiri ini.

Sepanjang tempoh pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) bermula 5 sehingga 16 September 2021, sebanyak 1,734 premis telah diperiksa membabitkan 91 premis borong dan 1,643 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 10 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.